

NOR AMIRAH BINTI NORJAINI (136417)

## REFLEKSI DIRI

Assalamualaikum dan salam sejahtera. Nama saya Nor amirah Binti Norjaini (136417). Saya merupakan pelajar Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan dan mengambil kursus Sastera Pendidikan. Pada semester ini, saya telah mengambil kursus PGT436e. Penulisan ini adalah bertujuan untuk refleksi diri berkaitan proses pembelajaran ICT dan aplikasi-aplikasi yang boleh digunakan untuk tujuan pembelajaran dan pengajaran. Pada masa yang sama, saya juga menggunakan aplikasi yang saya pelajari dalam melaksanakan tugas eportfolio. Eportfolio merupakan salah satu perkara yang sangat bermakna yang telah saya pelajari sepanjang saya mengambil kursus ini.

Pertama sekali, eportfolio merupakan satu platform untuk kita membuat pengenalan diri dengan cara yang sangat menarik. Dalam kursus PGT436e, eportfolio merupakan kerja kursus yang utama membawa markah sebanyak 50% dalam kursus ini. Dalam garis panduan yang telah disediakan oleh pensyarah penyelaras iaitu Professor Madya Dr. Azidah, terdapat 8 perkara penting yang perlu ada di dalam eportfolio iaitu Dashboard ataupun muka depan. Pengenalan diri sendiri, *Teaching Philosophy*, progress sepanjang pembelajaran di Usm, *Learning materials/assignment*, video rakaman pengajaran mikro, galeri gambar sepanjang bergelar sebagai pelajar. Maklum balas daripada pensyarah dan rakan-rakan. Akhir sekali ialah refleksi diri berkaitan dengan cabaran yang dihadapi.

Saya menyedari bahawa Teknologi dan ICT mempunyai banyak faedah. Seiring dengan Konsep pembelajaran Abad Ke-21 Terdapat banyak maklumat yang bersifat global yang terdapat dalam internet. Sesi pengajaran dan pembelajaran pada abad ini telah jauh berbeza berbanding dengan 15 tahun dahulu. Kini, ia menuntut penggunaan ICT dalam pengajaran. Oleh itu, amat tepatlah saya mengambil kursus ini agar saya dapat mempelajari

lebih banyak lagi berkaitan dengan ilmu ICT. Mencari dan mempelajari aplikasi-aplikasi pembelajaran bukanlah mudah bagi saya.

Terdapat banyak cabaran yang saya perlu hadapi untuk mempelajari ICT dan juga aplikasi yang boleh digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Pertama sekali ialah saya perlu mempelajari dengan lebih mendalam lagi berkaitan dengan teknologi dan internet. Sejujurnya, saya tidak mempunyai banyak pengetahuan tentang Teknologi dan ICT. Namun dengan mengambil kursus ini, terdapat banyak perkara yang saya pelajari. Sebenarnya, sebelum saya mengambil kursus ini juga, saya telah mempelajari beberapa aplikasi pembelajaran. Antara contoh aplikasi dan laman web yang saya pelajari ialah Vyond.com dan Powtoon.com bagi membuat animasi bergerak. Kedua-dua aplikasi ini boleh diakses secara dalam talian. Cabarannya ialah aplikasi ini hendaklah dibayar terlebih dahulu sekiranya hendak digunakan. Sebagai seorang pelajar, masih tidak berkemampuan untuk menggunakan aplikasi yang berbayar ekoran harga yang agak mahal. Namun begitu, aplikasi ini mempunyai "*Free Trial*" selama beberapa hari membolehkan saya menggunakan aplikasi tersebut.

Selain daripada itu, saya juga menggunakan aplikasi Canva.com dan genially.com untuk membuat hasil kerja yang bergambar. Bagi Canva.com, kita boleh memuat turun aplikasi melalui Google Play. Canva adalah platform yang paling sesuai untuk membuat poster ataupun gambar latar. Template yang terdapat dalam Canva sangat menarik. Kita juga boleh membuat template sendiri mengikut citarasa dan kreativiti. Manakala Genially pula sesuai digunakan untuk maklumat bergrafik dan menarik. Cabarannya adalah kedua-dua aplikasi tersebut hendaklah diakses secara atas talian. Menariknya Canva.com, kita boleh memuat turun hasil kerja kita secara percuma mengikut syarat yang ditetapkan. Manakala genially pula, kita tidak boleh memuat turun kerana perlu berbayar. Namun kita boleh share link dan orang lain boleh mengaksesnya.

Saya juga menggunakan aplikasi media sosial seperti Youtube, Facebook, Instagram, Whatapps dan juga Telegram. Murid-murid pada zaman teknologi dan ICT ini lebih cenderung berada di dalam dunia mereka sendiri iaitu dalam media sosial. Saya berpendapat bahawa menggunakan media sosial untuk platform pengajaran juga sangat menarik. Tambahan pula, terdapat media sosial yang boleh membentuk kumpulan (group). Oleh itu, sebagai guru, group tersebut bolehlah digunakan untuk memberikan bahan pembelajaran kepada murid. Contohnya, didalam beberapa kursus sebelum ini, kami telah menggunakan Facebook untuk berkongsi tentang kerja kursus. Bahkan PGT436e juga saya pernah membuat posting di Facebook berkaitan dengan aplikasi yang saya gunakan.

Terdapat juga aplikasi yang agak berat dan memerlukan rangkaian data yang kuat seperti Powtoon.com, Prezi.com dan Story Telling menyebabkan agak sukar untuk saya akses. Pada pendapat saya, tidak salah untuk menggunakan aplikasi pembelajaran secara offline seperti menggunakan Microsoft Powerpoint dan juga Word. Namun, kreativiti yang diutamakan menyebabkan saya memilih untuk mempelajari dengan lebih banyak lagi aplikasi pembelajaran secara online. Aplikasi offline seperti Microsoft Word digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Manakala, Powerpoint bukanlah digunakan untuk membuat pembentangan slide sahaja. Terdapat banyak lagi fungsinya yang tidak kita ketahui. Oleh itu, saya telah mempelajari cara membuat permainan interaktif di Powerpoint.

Perkara yang mencabar ialah berkaitan dengan capaian internet. Pada awalnya saya tidak mempunyai sebarang masalah berkaitan dengan internet. Hal ini kerana, saya telah berada di USM dalam masa yang agak lama. Seperti yang kita sedia maklum, kekuatan capaian internet di USM (usmsecure) sangat laju. Oleh itu, tidak menjadi masalah untuk saya terus mempelajari lagi pelbagai aplikasi dalam internet yang boleh digunakan untuk pengajaran dan pembelajaran. Sehingga hari raya kedua pada 25/05/2020 saya telah bergerak balik ke Sabah. Perjalanan jauh ini menyebabkan tugas saya tergendala. Ekoran wabak Covid19, setibanya

saya di Sabah saya perlu menjalani kuarantin. Syukur ianya hanya memerlukan sehari untuk saya berada di pusat kuarantin dan selebihnya saya perlu membuat "*Home Quarantine*". Semasa saya berada di pusat kuarantin, saya telah menyambung kerja untuk menyiapkan eportfolio yang terganggu. Alhamdulillah, segala cabaran yang dihadapi berakhir dengan kemanisan apabila saya berjaya menyiapkan tugas yang diberikan. Saya juga akan terus belajar dan menjelajah internet pada masa akan datang.